

## **Sarawak masih kurang penyalahgunaan dadah di M'sia**

September 9, 2015, Wednesday

Oleh Henrietta Liza//

KUCHING: Sarawak secara keseluruhannya masih lagi di tahap terbersih daripada penyalahgunaan dadah berbanding negeri lain di Malaysia.

Demikian kata Menteri Muda Pembangunan Belia (Bandar) Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah walaupun tidak mempunyai butiran terperinci mengenainya setakat ini.

“Saya tidak ada data terperinci mengenai penglibatan anak-anak sekolah atau mereka yang terdedah dengan penggunaan dadah.

“Tetapi kita mengetahui ada sesetengah sekolah yang mana kalangan pelajarinya memang ada terjebak dengan masalah sosial ini.

“Walaupun negeri kita besar tetapi jumlahnya pasti rendah dan oleh sebab itu kita mesti sentiasa memberi penerangan kepada pelajar dan ibu bapa akan bahaya dadah.

“Memang benar, ada tuahnya negeri kita dipisahkan oleh Laut China Selatan sehingga menyebabkan kesulitan untuk dadah masuk tetapi penyeludup pasti mencari cara,” katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Program Iman: Ilmu Maju Aktif Nekad Sekolah Bebas Dadah di SMK Petra Jaya semalam.

Justeru katanya, usaha agensi seperti Kastam Diraja Malaysia, Bahagian Narkotik PDRM, AADK, PEMADAM dan sekolah membasmi dadah ada menampakkan kejayaan.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan sememangnya mahu membasmi penyalahgunaan dadah ke tahap sifar yang bermungkinan sukar dicapai.

Tetapi adalah lebih baik sekiranya jumlahnya menurun dari tahun ke tahun termasuk penggunaan gam basikal yang berupaya mendorong seseorang itu untuk berkhayal.

Masyarakat juga harus memahami peranan PEMADAM yang agak berbeza dengan peranan AADK untuk memberi kesedaran kepada masyarakat, ibu bapa dan pelajar sekolah akan bahaya dadah.

Program anjuran PEMADAM Sarawak itu akan diperluas ke seluruh negeri selepas ini.

Turut diadakan pada majlis itu ialah pertunjukan anjing pengesan dadah dan lawatan ke tapak pameran.